



**ANJURAN AKADEMI HADIS KUIPSAS  
DENGAN KERJASAMA  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM KUIPSAS DAN  
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)**

فرسیدغن دان موءتمر انتارابغسا سنة نبوية  
-اونلاءین-

**PERSIDANGAN  
DAN  
MUKTAMAR  
ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH  
SECARA ONLINE  
(ICMAS 2021)**

**28 & 29 JANUARI 2021**

**Perasmian Oleh  
YAB Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail  
Menteri Besar Pahang**



کامی کوء یمسین







**SEKAPUR SIREH  
YB. DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK  
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

Alhamdulillah, segala puji dirafa'kan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita diberikan kesihatan yang baik dan ruang masa untuk dapat bersama-sama menyertai dan menghadiri PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA HADIS DAN SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021) yang bertemakan "Sunnah Teras Kecemerlangan Peradaban Ummah".

Terima kasih kerana memberikan kesempatan dan peluang kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam buku program ini bersempena ICMAS 2021. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Akademi Hadis, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) atas usaha gigih dalam menjayakan persidangan hadis yang julung kali dilaksanakan di peringkat antarabangsa. Penganjuran ICMAS 2021 ini adalah sempena meraikan sambutan Jubli Perak ke-25 KUIPSAS.

Melalui persidangan ini, saya berharap agar ianya akan memberikan impak positif terhadap usaha-usaha pembangunan tamadun ummah melalui penyelidikan ilmu yang tinggi berkaitan sunnah Nabi Muhammad SAW. Ia sekaligus akan membentuk para peserta dan cendekiawan Islam agar lebih beramal dengan ilmu dan lebih cintakan Rasulullah SAW dan perjuangan Baginda. Melalui ICMAS 2021 juga diharapkan akan melahirkan lebih ramai cendekiawan Islam yang sentiasa ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam memartabatkan agama Islam demi kesejahteraan ummah dunia dan akhirat.

Selanjutnya, saya juga ingin menzahirkan sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pembentang dan peserta dari pelbagai negara termasuk Malaysia, Indonesia, Brunei, Mesir, Jordan, Iraq, Libya, Arab Saudi, Oman, Tunisia, Algeria dan lain-lain. Saya penuh yakin dan percaya bahawa sesi pembentangan kertas kerja dan perbincangan ilmiah selama 2 hari secara webinar ini bakal mencetuskan pemikiran dan pendekatan baharu kepada ahli akademik, pembentang dan para peserta. Akhir kata, semoga seminar ini dapat merapatkan ikatan ukhawah sesama umat Islam dari pelbagai negara dan seterusnya memberikan pelbagai manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.



**SERUMPUN KASIH  
YAM LT. KOL. TENGKU AMIR NASSER IBRAHIM  
SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, SSAP., SIMP.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA MUIP**



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang telah memberikan nikmat iman dan Islam kepada kita. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW atas segala pengorbanan dan perjuangannya menyebarkan agama Allah. Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana International Conference and Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021) dapat dilaksanakan bermula hari ini iaitu 28 hingga 29 Januari 2021.

ICMAS 2021 dilaksanakan bagi menyediakan platform perbincangan ilmu dan pembentangan hasil penyelidikan berkaitan hadis dan sunnah dalam kalangan para cendekiawan Islam dari pelbagai negara termasuk Malaysia. Saya percaya persidangan secara webinar ini mampu menjadi medan terbaik bagi mengangkat martabat hadis sebagai sumber kedua persyariat Islam. Ia sekaligus akan menyuburkan penghayatan umat terhadap sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian bagi membina masyarakat muslim yang beriman dan diredhai Allah.

Sebagai umat Islam, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyampaikan dan menjelaskan kepada seluruh manusia tentang ajaran Islam yang lengkap dan syumul. Usaha ini juga adalah bukti cinta dan kasih sayang kita kepada junjungan besar Muhammad SAW. Daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Tidak beriman seseorang dalam kalangan kalian hingga menjadikan aku lebih dicintai melebihi kecintaannya kepada anaknya, bapanya dan seluruh manusia." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Saya juga berharap agar ICMAS 2021 mampu menonjolkan peranan Akademi Hadis, KUIPSAS sebagai pusat kecemerlangan rujukan hadis terulung di Malaysia amnya dan negeri Pahang khususnya, Insya Allah. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang bertungkus-lumus menjayakan ICMAS 2021 ini dan saya meminta agar ICMAS 2021 akan terus menjadi agenda tahunan bagi Akademi Hadis, KUIPSAS.

Semoga ICMAS 2021 dapat melahirkan lebih ramai pakar-pakar dalam bidang hadis khususnya untuk membela dan mempertahankan sunnah Nabi SAW daripada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Moga kerjasama erat antara pihak KUIPSAS dan MUIP akan terus terjalin padu dalam usaha memartabatkan Islam di muka bumi pada masa akan datang.

Ribuan terima kasih kepada para pembentang, para peserta serta ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan persidangan yang bermanfaat ini.





**SEMANIS BICARA  
YBRS. PROF. MADYA DR. HAJI MOHD ZAWAVI  
BIN ZAINAL ABDIN  
REKTOR KUIPSAS**

Sesungguhnya saya bersyukur kepada Allah Yang Maha Esa atas taufiq dan inayah-Nya Persidangan dan Mukhtar Antarabangsa Sunnah Nabawiyyah secara Online (ICMAS 2021) yang bertemakan "SUNNAH TERAS KECEMERLANGAN PERADABAN UMMAH" dapat dilaksanakan. Persidangan ini merupakan persidangan antarabangsa pertama yang dianjurkan oleh Akademi Hadis Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam KUIPSAS dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Negeri Pahang (MUIP). Penganjuran persidangan ini bertepatan dengan perayaan jubli perak yang kedua puluh lima KUIPSAS. KUIPSAS sedang berusaha untuk menjadi universiti Islam bersepadu dan universiti Islam terbesar di timur Malaysia dan negeri Pahang.

Sidang Mukhtar yang dimulakan, Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di atas naungan dan sokongannya kepada Akademi Hadis. Kami memohon kepada Allah Yang Esa untuk menjadikan Akademi Hadis sebagai mercu tanda dan rujukan kepada para pengkaji dan cendekiawan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad; Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YB Dato' Sri Dr Salehuddin bin Ishak di atas sokongan mereka yang berterusan dalam penganjuran program ilmiah seumpama ini. Terima kasih juga kepada YAM Lt. Kol. Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibnu Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Timbalan Yang Dipertua MUIP, dan pihak MUIP atas kerjasama penganjuran program ini.

Sidang Mukhtar yang dimulakan, Saya mengalu-alukan kedatangan semua pembentang dan peserta. Dan saya berasa sangat gembira, kerana persidangan ini, berjaya mengumpulkan sekumpulan cendekiawan terkemuka dunia Islam, antaranya ialah Felo utama Akademi Hadis KUIPSAS, al-Muhaddis al-Shayaikh Mustafa al-Nadawi al-Husaini, Timbalan Rektor Universiti Al-Azhar, Prof Dr Muhammad Abu Zayd al-Amir, dan Pensyarah kanan Kolej Universiti Islam Selangor, Dr. Khafeez Soroni.

Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pembentang daripada pelbagai negara seperti Mesir, Arab Saudi, Jordan, Libya, Oman, Kuwait, Turki, Brunei, Indonesia dan juga Malaysia.

Dan akhir sekali tidak dilupakan rasa terima kasih yang tidak terhingga saya kepada Akademi Hadis dan Fakulti Pengajian Islam KUIPSAS serta semua ahli jawatankuasa yang berusaha sedaya upaya dan memberikan masa dan tenaga bagi merealisasikan persidangan ICMAS 2021 secara online ini. Semoga Allah memberikan ganjaran yang terbaik atas setiap usaha dan pengorbanan kita.

Selamat Berseminar.





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

**SEKACIP PINANG  
YBRS. DR. SAFIAH BINTI ABD RAZAK  
PENGARAH  
INTERNATIONAL CONFERENCE AND  
MUKTAMAR ON PROPHETIC SUNNAH  
(ICMAS 2021)**



Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, penganjuran INTERNATIONAL CONFERENCE AND MUKTAMAR ON PROPHETIC SUNNAH (ICMAS 2021) sempena sambutan Jubli Perak ke-25 KUIPSAS dapat dilaksanakan pada hari ini.

Seminar ini adalah sebagai mendukung hasrat untuk memartabatkan sunnah nabawiah sebagai teras utama peradaban ummah. Ini bermakna umat Islam akan mampu membina kecemerlangan hidup dunia dan akhirat sekiranya berpegang kepada Al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Aktiviti perbincangan secara ilmiah, integratif dan holistik dalam kalangan pembentang diharapkan mampu membuahkan resolusi-resolusi berharga khususnya dalam memaksimumkan kefahaman masyarakat berkaitan peranan hadis dalam kehidupan, malah lebih daripada itu, menyuburkan penghayatan masyarakat terhadap sunnah Nabi SAW merupakan tanggungjawab para ulama dan sarjana Islam.

Kita sedia maklum bahawa penyebaran fahaman seperti materialisme, hedonisme, liberalisme, pluralisme dan sebagainya dalam masyarakat Islam masa kini menjadi cabaran besar kepada usaha-usaha menghidupkan sunnah Nabi dalam jiwa dan amalan umat Islam. Oleh yang demikian, para ulama dan sarjana Islam perlu menyusun strategi dan langkah efektif dan kreatif berteraskan iman dan taqwa bagi menangkis serangan dan dakwaan batil yang dilemparkan kepada sunnah Rasulullah SAW malah kepada keperibadian baginda sendiri.

Semoga penganjuran seminar ini dapat menjadi titik pengukuhan ikatan silaturrahim di antara para pembentang dan peserta dari pelbagai negara meskipun ianya dilaksanakan secara maya. Saya menyeru umat Islam seluruh dunia agar sentiasa meluruskan tekad dan mengikhlaskan niat untuk sama-sama memartabatkan Islam ke serata dunia dengan penuh kesungguhan. Jalan mulia ini hakikatnya sentiasa dipenuhi cabaran namun segala usaha, pengorbanan dan mujahadah kita pastinya sangat-sangat dihargai Allah SWT dan dijanjikan keredhaanNya.

Pada kesempatan ini, jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas kerjasama yang diberikan. Terima kasih kepada Rektor KUIPSAS, YBrs. Dr. Haji Mohd Zawawi bin Zainal Abidin, penasihat-penasihat program, YBrs. Dr. Mohd Fadlly bin Ismail, YBrs. Dr. Norahida binti Mohamed dan YBrs. Ts Dr. Wan Azani bin Wan Mustafa.

Akhir kata, sekalung ucapan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas segala komitmen yang diberikan. Pengorbanan tuan/puan dalam memerah idea dan mencurahkan tenaga bagi menjayakan ICMAS 2021 tentunya menjadi amal soleh di sisiNya dan seterusnya membuktikan kecintaan kita sebagai umat Islam dalam memperjuangkan agama Allah di muka bumi.

Sekian, terima kasih.





## **VISI**

**Menjadi Pusat Kecemerlangan Ilmu Dan Ketrampilan Insan**

## **MISI**

**Beriltizam Meningkatkan Kualiti Akademik Yang  
Mengintegrasikan Ilmu Aqli Dan Naqli Bagi Melahirkan  
Individu Yang Seimbang, Berdaya Saing Dan Bersahsiah,  
Melalui Budaya Pengurusan Profesional  
Dan Persekitaran Yang Kondusif**

## **FALSAFAH**

**Pendidikan Bersepadu Berteraskan Ilmu, Iman Dan Amal  
Melahirkan Insan Bertaqwa, Berketrampilan Dan  
Berkepemimpinan Membentuk Masyarakat Sejahtera  
Dan Harmoni Di Dunia Dan Akhirat**







## LATARBELAKANG PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE DI KUIPSAS

- Perkembangan kajian ilmu-ilmu Islam semenjak dahulu sehingga kini dilihat telah menunjukkan pencapaian yang memuaskan dalam setiap bidang ilmu termasuklah bidang pengajian hadis dan sunnah nabawiah. Di Malaysia sendiri sebagai contoh institusi pengajian tinggi seperti di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya telah memperkenalkan subjek-subjek khusus dalam mendalami ilmu hadis bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda, antaranya ialah Manahij Muhaddithin, Kajian Bibliografi Hadis, Dirasat al-Asanid, al-Jarh wa al-Ta'dil, Hadis dan Isu Semasa, Kajian Teks Hadis, Takhrij al-Hadis dan Ahadis al-Ahkam.
- Meskipun demikian para sarjana masih berdepan dengan cabaran perkembangan pemikiran semasa dan teknologi yang sentiasa maju ke hadapan. Kemunculan fahaman-fahaman yang bergerak atas nama kemodenan dan tersebar pantas dengan bantuan kecanggihan teknologi masa kini yang hakikatnya bakal menghakis nilai keimanan ummah dan memudar bahkan mencalar keyakinan dunia terhadap keabsahan hadis dan sunnah Nabi SAW sebagai salah satu sumber utama syariat Islam. Fenomena ini tentunya tidak akan membiarkan para sarjana Islam merasa selesa dengan pencapaian yang ada malah pastinya menuntut mereka berkerja dengan lebih kuat bagi membuktikan Islam dan segala sudut ajarannya adalah yang terbaik dan sesuai dengan semua zaman.
- Seajar dengan fenomena itu juga, kefahaman ummah terhadap konsep integrasi ilmu masa kini dilihat perlu diperkasakan. Integrasi ilmu merupakan salah satu medium bagi pengkaji memahami sesuatu fenomena dengan skop yang lebih meluas. Ini bermaksud walau dalam situasi mana pun ummah berada, para sarjana Islam dilihat sentiasa memiliki keupayaan meneroka, menganalisis setiap isu dan permasalahan berdasarkan pandangan yang syumul dan integratif sejajar dengan prinsip Islam yang tidak mengasingkan di antara ilmu dunia dan ilmu akhirat atau ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Dalam pengertian lain bidang kajian hadis tidak harus dilihat secara terpisah daripada bidang-bidang ilmu Islam yang lain. Keistimewaan ICMS 2021 adalah penekanan terhadap konsep "Integratif Ilmu" yang membawa makna topik-topik kajian para pangkaji tidak terbatas kepada bidang hadis dan sunnah semata-mata malah bidang hadis dan sunnah menjadi asas atau tunjang kepada penerokaan bidang-bidang ilmu lain yang ada dalam korpus penyelidikan ilmu. Dalam konteks konsep keilmuan Islam sebenar, al-Quran dan Hadis adalah dua ilmu asas yang utama dan menjadi tonggak kepada kajian dan perkembangan ilmu-ilmu yang lain dalam rangka memakmurkan bumi Allah.
- ICMS 2021 dilaksanakan bagi menyediakan satu platform ilmiah secara digital bagi membincangkan bidang ilmu hadis dan sunnah nabawi secara integratif dan holistik. ICMS 2021 akan menjadi platform maya para ilmuan Islam untuk berkongsi ilmu, menyelesaikan permasalahan dan membina hubungan ukhuwwah yang erat sesama pembentang dan peserta. Harapan kita agar terhasil impak positif terhadap usaha-usaha pembangunan tamadun ummah melalui penggalan ilmu yang tinggi. Ia sekaligus akan dapat memberi impak yang relevan terhadap para peserta dan ilmuan Islam agar lebih beramal dengan ilmu, lebih cintakan Rasulullah SAW dan perjuangan baginda dan seterusnya sentiasa ikhlas dan bersungguh-sungguh memartabatkan agama Islam demi kesejahteraan ummah dunia dan akhirat.
- ICMS 2021 merupakan program anjuran Akademi Hadis KUIPSAS dengan Kerjasama Fakulti Pengajian Islam KUIPSAS dan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).






## **OBJEKTIF PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE DI KUIPSAS**

Menjadi satu wadah perbincangan secara ilmiah, integratif dan holistik dalam kalangan para peserta dan pembentang kertas kerja berkaitan kelimuan Hadis dan Sunnah Nabawiah.

Memartabatkan Hadis dan sunnah Nabi sebagai tonggak asas agama Islam serta mempertahankannya daripada sebarang salah faham dan kekeliruan.

Menonjolkan peranan dan kekuatan Hadis dan Sunnah dalam membangunkan peradaban ummah dan menyelesaikan permasalahannya seiring dengan tuntutan semasa.

Menyemarakkan aura kajian dan penyelidikan ilmu secara global dan digital dalam kalangan ilmuan walau dunia berdepan dengan cabaran Covid 19.







## ATURCARA PROGRAM PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

### 28 Januari 2021 (Khamis)

- 9.00 – 9.05 Pagi : Ucapan Alu-aluan Pengerusi  
: Bacaan Doa Oleh Al-Fadhil Ustaz Mohammad Ibrahim Bin Md. Khalis al-Hafiz
- 9.10 – 9.25 Pagi : Ucaptama oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Zawawi bin Zainal Abidin  
Rektor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
- 9.30 – 9.35 Pagi : Ucapan Perasmian ICMAS 2021  
YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail  
Menteri Besar Pahang
- : Tayangan Montaj ICMAS 2021
- 9.40 – 10.00 Pagi : PEMBENTANG KERTAS UTAMA 1  
YBrs. Prof. Dr. Muhammad Abu Zaid al-Amir  
Timbalan Rektor Universiti Al-Azhar Al-Syarif, Mesir.  
Tajuk : **Sunnah Nabawiyah Menurut Ahli Hadis dan Ahli Fikah**  
Moderator: YBrs. Dr. Norahida binti Mohamed
- 10.10 – 10.30 Pagi : PEMBENTANG KERTAS UTAMA 2  
Al-Muhaddis Dr. Al-Syaikh Mustafa Al-Nadawi Al-Husaini.  
Felo Akademi Hadis KUIPSAS.  
Tajuk : **Kelebihan Sunnah Nabawiyah Terhadap Peradaban Insan**  
Moderator: YBrs. Dr Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal Alsharabany
- 10.30 – 11.10 Pagi : PEMBENTANG KERTAS UTAMA 3  
YBrs. Dr. Mohd Khafidz bin Soroni @ Hj. Ahmad Mughni  
Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
Tajuk : **Kedudukan Hadis dalam Istinbat Hukum Menurut Imam Syafi'i**  
Moderator: YBrs. Dr. Muhamad Fadlly bin Ismail
- : Sesi Soal Jawab
- 11.10–11.25 Pagi : Majlis Talaqqi Sanad Hadis Musalsal Awwaliyyah dan Mahabbah  
Al-Muhaddis Dr. Al-Syaikh Mustafa Al-Nadawi Al-Husaini.  
Moderator: YBrs. Dr Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal Alsharabany
- 11.30 Pagi : Rehat
- 2.30 Petang : Sesi Pembentangan Selari 1
- 5.00 Petang : Sesi ditangguhkan

### 29 Januari 2021 (Jumaat)

- 9.00 Pagi : Sesi Pembentangan Selari 2
- 12.30 T/hari : ICMAS 2021 tamat





## AHLI JAWATANKUASA PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

- Penaung** : YBrs. Prof Madya Dr. Mohd Zawawi bin Zainal Abidin  
Rektor, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
- Penasihat** : YBrs. Dr. Muhamad Fadlly bin Ismail  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi, KUIPSAS  
YBrs. Dr. Norahida binti Mohamed  
Dekan Fakulti Pengajian Islam
- Pengarah Program** : YBrs. Dr. Safiah binti Abd Razak
- Timbalan Pengarah 1** : Pn. Siti Nora'aeshah binti Zakaria
- Timbalan Pengarah 2** : YBrs. Dr Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal Alsharabany
- Setiausaha 1** : En. Mohammad Haafiz Aminuddin bin Mohd Azmi
- Setiausaha 2** : Cik. Raja Nurul Hafizah binti Raja Ismail
- Bendahari**
- Penolong Bendahari** : Pn. Nurizan binti Baharum  
Pn. Musfirah binti Mohamed Mokhtar
- AJK Jemputan & Pendaftaran Peserta** : Cik Nor Fadzilah binti Md Yusof (Ketua)  
Pn. Nur Yani binti Che Hussin  
Pn. Husmazahiera binti Hussin  
Cik. Nurulafzan binti Sa'ari  
Pn. Nazirah binti Kamal Basah  
En. Muhammad Fakhruddin bin Ishak
- AJK Perasmian** : En. Shammil bin Shabri (Ketua)  
Pn. Azriana binti Ridouan  
En. Wan Emril Nizam bin Wan Embong  
Pn. Ainun Mardhiah binti Salehudin
- AJK Pengurusan Seminar  
(Pembentang Kertas Utama/ Selari)** : En. Abdul Halim bin Abdul Karim (Ketua)  
En. Ainuddin bin Kamaruddin  
Pn. Norfadela binti Nordin  
En. Muhammad Assyifaa Ulhayat bin Jahidin  
En. Mohd Shupian bin Majid  
En. Sapawi Hamdan bin Awang  
Cik Wan Nur Ainna Waheda binti Rozali  
Pn. Nafisah binti Abd Rahim
- AJK Perhubungan Luar** : En. Nik Ahmad Mumtaz bin Nik Din (Ketua)  
Cik Umi Rahimah binti Abd Wahab  
En Mohd Nizam bin Jamaluddin





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

- AJK Promosi & Perhubungan Media** : En. Mohd Fikri bin Mohd Mokhtar (Ketua)  
En. Nurhan Esmady bin Ismail  
En. Mohammad Ibrahim bin Md. Khalis  
Pn. Siti Marsitah binti Mohd Mokhtar  
En. Haizuran bin Mohd Jani
- AJK Cenderamata & Sijil** : En. Abu Dzar bin Ahmad (Ketua)  
Pn. Faiqah binti Ahmad Radzuan  
Cik Nurul Syuhadah binti Azalan  
Pn. Azrianie binti Roslan  
En. Mohd Saifuddin bin Abdul Karim
- AJK Teknikal, Multimedia dan Peralatan** : Pn. Norfaziah binti Mohd Rejab (Ketua)  
En. Mohd Asrul bin Sidi Ahmad  
En. Che Wan Hailman bin Che Wan Zainuddin  
En. Muhamad Sokri bin Husain  
En. Hanif bin Abu Samah  
En. Wan Hashridz Rizal bin Wan Abu Bakar  
En. Amiruldin bin Ishak
- AJK Penerbitan, Prosiding & Semakan Kertas Kerja** : Pn. Dayang Sakini binti Mohd Kadri (Ketua)  
YBrs. Dr. Fahmi Zaidi bin Abdul Razak  
YBrs. TS Dr. Wan Azani bin Wan Mustafa  
YBrs. Dr. Mohamed Ebrahim Elsherbiny  
YBrs. Dr. Saad Elmoghazy Abdel Moaty  
YBrs. Prof Madya Dr Jelani bin Sulaiman.  
Pn. Faizan binti Gayuh  
En. Muhamad Fairuz bin Ali  
Cik Siti Nurul Ain binti Mohd Yusoff
- AJK Tajaan & Sponsor** : Pn. Aida Farkhana binti Ahmad Puhad (Ketua)  
Pn. Hasiyah binti Mat Salleh  
Pn. Masliyah binti Mohd Nuri
- AJK Buku Program** : Pn. Seriyayuna binti Sa'don Zubir (Ketua)  
Cik Azlina binti Abdullah Hasim  
Pn. Syazwani binti Husin  
Pn. Ida Khairiyah binti Mohd Yusof  
Pn. Wan Zahidah binti Wan Sulaiman





# JADUAL PEMBENTANGAN UTAMA & PEMBENTANGAN SELARI PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

**28 Januari 2021 (Khamis)**

**Majlis Perasmian Dan Sesi Pembentangan Utama : 9.00 - 11.00 pagi**

TEMPAT: BILIK 1 (DEWAN SENAT)

MODERATOR : En. Wan Emril Nizam bin Wan Embong		
URUSETIA : Ustaz Abdul Halim bin Abdul Karim dan Ust Muhammad Asyifaa Ulihat bin Jahidin		
MASA	PERKARA	PEMBENTANG
9.00 – 9.05 pagi	Ucapan Alu-aluan Pengerusi	En. Wan Emril Nizam bin Wan Embong
	Bacaan doa	Ustaz Mohammad Ibrahim bin Md. Khalis al-Hafiz
9.10 – 9.25 pagi	Ucuptama	YBrs. Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Zawavi bin Zainal Abidin, Rektor, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
9.30 – 9.35 pagi	Ucapan Perasmian ICMAS 2021	YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail. Menteri Besar Pahang.
	Tayangan Montaj ICMAS 2021	AJK Teknikal, Multimedia dan Peralatan
9.40 – 10.00 pagi	Pembentang Kertas Utama 1  Tajuk : Sunnah Nabawiyah Menurut Ahli Hadis dan Ahli Fikah	YBrs Prof Dr Muhammad Abu Zaid al-Amir Timbalan Rektor Universiti Al-Azhar Al-Syarif, Mesir.  Moderator : YBrs. Dr. Norahida binti Mohamed
10.10 – 10.30 pagi	Pembentang Kertas Utama 2 Tajuk : Kelebihan Sunnah Nabawiyah Terhadap Peradaban Insan	Al-Muhaddis Al-Syaikh Mustafa Al-Nadawi Al-Husaini. Felo Akademi Hadis KUIPSAS  Moderator : YBrs. Dr Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal Alsharabany
10.30 – 11.10 pagi	Pembentang Kertas Utama 3  Tajuk : Kedudukan Hadis dalam Istinbat Hukum Menurut Imam Syafi'i	YBrs. Dr Khafidz bin Soroni @ Hj. Ahmad Mughni. Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  Moderator : YBrs. Dr Muhammad Fadlly bin Ismail





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

	Sesi Soal Jawab	YBrs. Dr Khafidz bin Soroni @ Hj. Ahmad Mughni. Senior Lecturer, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  Moderator : YBrs. Dr Muhammad Fadlly bin Ismail
11.10 – 11.25 pagi	Majlis Talaqqi Sanad Hadis Musalsal Awwaliyyah dan Mahabbah	Al-Muhaddis Al-Syaikh Mustafa Al-Nadawi Al-Husaini. Felo Akademi Hadis KUIPSAS  Moderator : YBrs. Dr Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal Alsharabany.

**28 Januari 2021 (Khamis)**  
**Sesi Selari 1 : 2.30 - 5.15 petang**

TEMPAT: BILIK 1 (DEWAN SENAT)

<b>TEMA: Hadis dan Pengajian Fiqh / Hadis dan Penyelidikan Ilmu / Sumbangan Ulama Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Dalam Kajian Hadis</b>		
MODERATOR : Ustaz Muhammad Fakhruddin bin Ishak		
URUSETIA : Pn. Faiqah binti Ahmad Radzuan		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
2.30 - 2.45 petang	Kedudukan Sifat Nabi Dalam Beristidlal Dengan Hadis	Dr Mustafa bin Mat Jubri@Shamsuddin (IIUM, Malaysia)
2.48 - 3.03 petang	Tumbuh-Tumbuhan Ubatan Dalam Hadith Tersenarai Kini Sebagai Terancam: Kajian Intertekstual Klasik-Data Saintifik	Ms. Rusni Mohamad (USM, Malaysia)
3.06 - 3.21 petang	Elemen Kesantunan Bahasa Dalam Cara Rasulullah SAW Berinteraksi	Mr. Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi (KUIPSAS, Malaysia)
3.23 - 3.38 petang	Konsep Lafaz Cerai Ta'liq : Suatu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Hadith dan Mazhab Fiqh	Ms. Liana Ab Latif (UiTM, Malaysia)
3.41 - 3.56 petang	Jenayah Terhadap Kanak-Kanak dalam al-Sunan al-'Arba'ah: Analisis Dalam Perspektif Fiqh al-Hadith	Mr. Muhammad Sobri bin Faisal (UM, Malaysia)
3.59 - 4.13 petang	Metodologi Abū Al-'Abbās Al-Qurṭubī Dalam Menangani Musykil Al-Hadith Di Dalam Kitab Al-Mufhim Li-Ma Asykal Min Talkhis Kitab Muslim: Tumpuan Terhadap Hadith Terpilih Bermula Bab Al-Iman Sehingga Bab Al-Janazah	Mr. Muhammad Sobri bin Faisal (UM, Malaysia)
4.16 - 4.31 petang	Pelaksanaan Solah Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu	Ms. Sukarni Ab Ghani (Politeknik Hulu Terengganu, Malaysia)
4.34 - 4.49 petang	الأحكام المبنية على زيادة السنة النبوية على النصوص القرآنية دراسة فقهية أصولية	د/ ربيع محمد محمد عبد الرحمن (KUIPSAS, Malaysia)
4.52 - 5.07 petang	Pendekatan Dakwah Bil Hal Di Hotel Patuh Syariah	Mr. Nik Mohd Sofri Nik Abdul Hamid (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia)
5.10 - 5.15 petang	Pengumuman Pembentang Terbaik	

TEMPAT: BILIK 2 (AKADEMI HADIS)

TEMA: Hadis dan Kekuatan Ekonomi / Ketokohan Nabi SAW dan Kajian Sirah / Hadis dan Penyelidikan Ilmu / Tokoh-Tokoh Hadis dan Manhaj Penulisan Mereka / Hadis dan Cabaran Kecemerlangan Pasca COVID-19		
MODERATOR : Dr. Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal Al Sharabany		
URUSETIA : Ustaz Mohammad Ibrahim bin Md. Khalis al-Hafiz		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
2.30 - 2.45 petang	معالم الاقتصاد الاسلامي في السنة النبوية	ا. عبد الحليم مدير (Istanbul Sabahattin Zaim University, Turki)
2.48 - 3.03 petang	حجّة الوداع دروس وأحكام ومبادئ	د/ عادل محمد أحمد محمود الحسيني (Universiti al Azhar, Mesir)
3.06 - 3.21 petang	الشخصية المنطقية عند ابن حجر	ا. محمد الحميدي المطيري (University of Jordan, Jordan)
3.23 - 3.38 petang	اتحاف الأحياء بهدي السنة النبوية في التسمية والأسماء تثبيت العقيدة أمودجاً دراسة موضوعية تأصيلية	د/ أحمد علي عبد الحميد حافظ (Universiti al Azhar, Mesir)
3.41 - 3.56 petang	موازنة بين منهج المحدثين، ومنهج المؤرخين في مرويات السيرة	د/ أحمد حمدي محمد سلام (Universiti al Azhar, Mesir)
3.59 - 4.13 petang	معالم الخطاب النبوي زمن الأويمة	ا.د/ محمد سيد أحمد شحاته (Universiti al Azhar, Mesir)
4.16 - 4.31 petang	حديث القرآن الكريم عن طيبة الطيبة	د/ ريان أحمد محرم الشيخ ناجي عبد السند (Universiti al Azhar, Mesir)
4.34 - 4.49 petang	السنة النبوية وتحديات كوفيد 19	ا. عبد العزيز محمد عبد العزيز مصطفى (UNISZA, Malaysia)
4.52 - 5.07 petang	السنة النبوية وبناء الإنسان	د/ الحسن بن غمضان بن علي جلي (Universiti al Malik Khalid, Arab Saudi)
5.10 - 5.15 petang	Pengumuman Pembentang Terbaik	





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

TEMPAT: BILIK 3 (MAKOM 1)

<b>TEMA : Sunnah Nabi dan Pembangunan Insan / Hadis dan Pengajian Fiqh / Tokoh-Tokoh Hadis dan Manhaj Penulisan Mereka / Isu-Isu Semasa Hadis dan Sunnah / Hadis dan Cabaran Kecemerlangan Pasca COVID-19</b>		
MODERATOR : Ustaz Haizuran bin Mohd Jani		
URUSETIA : Ustaz Ainuddin bin Kamaruddin		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
<b>2.30 - 2.45 petang</b>	Pendekatan Dakwah Bil Hal Hotel Patuh Syariah: Satu Kajian Di Hotel Adya Langkawi	Mr. Borhannudin bin Ya (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia)
<b>2.48 - 3.03 petang</b>	Aplikasi Sunnah Terhadap Garis Panduan Hukuman Rotan Di Kementerian Pendidikan Malaysia	Ms. Siti Amalina Ahmad Khairundin (UM Malaysia)
<b>3.06 - 3.21 petang</b>	Prinsip Kejiranan Dalam Konteks Pandemik Covid-19 Berdasarkan Perspektif Nabi SAW	Dr. Maisarah Saidin (USIM, Malaysia)
<b>3.23 - 3.38 petang</b>	Rawatan Penagihan Dadah Melalui Terapi Model Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah: Satu Kertas Konsep	Dr. Maisarah Saidin (USIM, Malaysia)
<b>3.41 - 3.56 petang</b>	Pembangunan Kerohanian Teras Pembinaan Generasi Rabbani: Analisis Pembangunan Kerohanian Nabi Muhammad SAW	Dr. Safiah Abd Razak (KUIPSAS, Malaysia)
<b>3.59 - 4.13 petang</b>	Pendekatan Rasulullah Saw Semasa Mendepani Penyakit Berjangkit Berdasarkan Hadis Wabak Dalam Kitab Sahih Al-Bukhari	Dr. Norzulaili Mohd Ghazali (USIM, Malaysia)
<b>4.16 - 4.31 petang</b>	Metodologi Pengajian Hadis Dalam Al-Mu'jam Al-Kabir Al-Tabarani: Satu Kajian Awal	Dr. Muhamad Fadly Ismail (KUIPSAS, Malaysia)
<b>4.34 - 4.49 petang</b>	Kesarjanaan Ibn Hajar Al-Asqalani Dalam Fikah Hadis: Tumpuan Terhadap Muqaddimah Dalam Kitab Fath Al-Bari	Siti Nora Aeshah Zakaria (KUIPSAS, Malaysia)
<b>4.52 - 4.57 petang</b>	Pengumuman Pembentang Terbaik	



TEMPAT : BILIK 4 (MAKOM 2)

TEMA : Sunnah Nabi dan Pembangunan Insan / Hadis dan Pengajian Fiqh / Tokoh-Tokoh Hadis dan Manhaj Penulisan Mereka / Isu-Isu Semasa Hadis dan Sunnah / Hadis Serta Cabaran Liberalisme		
MODERATOR : Ustazah Norfadelah Binti Nordin		
URUSETIA : Cik Nurul Syuhadah binti Azalan		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
2.30 - 2.45 petang	The Evaluation of Sunnah and Non-Sunnah Eating Manners among Healthy Young Generation and Their Effects on Satiety: Case Study in Kuantan, Pahang	Assoc. Prof. Ibrahim Abu Bakar (UM, Malaysia)
2.48 - 3.03 petang	Islam and Science for a Covid 19 Freeworld : The Case of Nigeria and Understanding Prophetic Tradition and Islamic Health Practice	Prof Dr. Ibrahim Olatunde Uthman (University Of Ibadan UI, Nigeria)
3.06 - 3.21 petang	Covid-19 Pandemic Management According To Prophetic Sunnah	Dr. Fatimah Yusro Hashim (UKM, Malaysia)
3.23 - 3.38 petang	The Feminist Movement and its Danger to the Islamic Nation: A Critical Study from the Perspective of the Prophet's Sunnah	Assoc. Prof. Dr. Mohamed Mursaleen Mohamed Ismail (The Maldives National Univeristy, Maldives)
3.41 - 3.56 petang	Islam Is Patience And Tolerance: Explanation Of One Prophetic Hadith	Mr. Lukáš Vetrovec (Comenius University, Czech Republic)
3.59 - 4.13 petang	The Prophetic Sunnah Practices And Working Performance Among Muslim Lecturers In Indonesia And Brunei Higher Education	Ms. Witrie Annisa (Universiti Brunei Darussalam, Brunei)
4.16 - 4.21 petang	Pengumuman Pembentang Terbaik	





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

TEMPAT: BILIK 5 (MAKBA 1)

<b>TEMA: Sunnah Nabi dan Pembangunan Insan / Isu-Isu Semasa Hadis dan Sunnah / Hadis dan Cabaran Kecemerlangan Pasca COVID-19 / Hadis dan Penyelidikan Ilmu</b>		
MODERATOR : Ustaz Mohd Shupian bin Majid		
URUSETIA : Ustazah Nafisah Binti Abd Rahim		
<b>MASA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PEMBENTANG</b>
<b>2.30 - 2.45 petang</b>	Kaedah-Kaedah Berinteraksi Dengan Hadith-Hadith Mushkil Berkaitan Wanita	Mr. Muhammad Adam Abd. Azid (UKM, Malaysia)
<b>2.48 - 3.03 petang</b>	Pendidikan Hadis Banteras Infodemik Covid-19 Dalam Media Sosial	Khalilullah Amin bin Ahmad (KUIPs, Malaysia)
<b>3.06 - 3.21 petang</b>	Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial Di Universiti Selangor	Mr. Muhammad Hafiy bin Abdul Rashid (UNISEL, Malaysia)
<b>3.23 - 3.38 petang</b>	Hadith dan Kajian Ilmu Pengetahuan	Endang Mukhlis Hidayat (USIM, Malaysia)
<b>3.41 - 3.56 petang</b>	Perintah Kawalan Pergerakan: Manhaj Nabawi Dalam Mendepani Pandemik Covid-19.	Dr Muhammad Lukman bin Mat Sin (KUIPs, Malaysia)
<b>3.59 - 4.13 petang</b>	Model Interaktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Era Pandemik Covid19	Dr Syed Najihuddin Syed Hassan (USIM, Malaysia)
<b>4.16 - 4.31 petang</b>	Pengurusan Bencana Covid-19 Menurut Perspektif Al-Quran Dan Sains Moden	Mr. Muhammad Syukri Haji Zahari (UPNM, Malaysia)
<b>4.34 - 4.49 petang</b>	Konsep Menyantuni Saudara Baharu Dalam Islam : Cabaran dan Kaedah Pendekatan di Pahang	Sh. Mohd Firdaus bin Sh. Othman (KUIPSAS, Malaysia)
<b>4.52 - 5.07 petang</b>	Repetisi Dalam Hadis: Tumpuan Terhadap Hadis "Innama Al-A'mal Binniyat..."	Norillah Abdullah Hassim (KUIPSAS, Malaysia)
<b>5.10 - 5.15 petang</b>	Pengumuman Pembentang Terbaik	



## JADUAL PEMBENTANGAN UTAMA & PEMBENTANGAN SELARI PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

**29 Januari 2021 (Jumaat)**  
**Sesi Selari 2 : 8.30 - 11.30 pagi**

TEMPAT: BILIK 1 (DEWAN SENAT)

TEMA : Sunnah Nabi dan Pembangunan Insan / Isu-Isu Semasa Hadis dan Sunnah / Tokoh-Tokoh Hadis dan Manhaj Penulisan Mereka / Sunnah Nabi dan Pemerkasaan Generasi Muda / Hadis dan Kekuatan Ekonomi		
MODERATOR : Ustaz Muhamad Fairuz bin Ali		
URUSETIA : Ustazah Siti Marsitah binti Mohd Mokhtar		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
8.30 - 8.45 pagi	Thematic Studies on Hadith: The Influence of Qalb in Behavior Formation	Dr. Nor Nazimi binti Mohd Mustaffa (UPNM, Malaysia)
8.48 - 9.03 pagi	The Teaching Methods And Techniques Of The Prophet (Pbuh): An Exploratory Study	Mr. Ibrahim Dahiru Idriss (UM, Malaysia)
9.06 - 9.21 pagi	Jamil Halim Al-Husaini's Contribution To The Study Of Hadith In The Global Era: Critical Study Of The Book Al-Qamar	Ms. Shofiatus Nikmah (Universitas Zainul Hasan Genggong Probolinggo, Indonesia)
9.23 - 9.38 pagi	Ibn Khaldun's Principles of Scrutinizing Narrations and The General Principles for the Acceptance of the Narrations in the Science of Hadith: A Comparative Study	Mr. Issah Abeebllahi Obalolu (IIUM, Malaysia)
9.41 - 9.56 pagi	Hadith as a Source of Reference for Creative Thinking and Problem Solving among Muslim Students in Tertiary Education	Prof. Madya Dr. Jelani Sulaiman (KUIPSAS, Malaysia)
9.59 - 10.13 pagi	Role of Prophet Muhammad (SAWS) in Protecting the Institution of the Family Today	Prof. Dr. Ruqaiya Taha Alalwani (University of Bahrain, Bahrain)
10.16- 10.31 pagi	Combination of Contracts in Islamic Finance Practices in Light of Hadith on Prohibition of 'Two Contracts in One Contract' (Bay'atan fi Bay'ah): A Shari'ah Investigation	Dr. Md Habibur Rahman (UNISZA, Malaysia)
10.34- 10.39 pagi	Pengumuman Pembentang Terbaik	





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

TEMPAT: BILIK 2 (AKADEMI HADIS)

<b>TEMA: Sumbangan Ulama Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Dalam Kajian Hadis / Sunnah Nabi dan Pemeriksaan Generasi Muda / Sunnah Nabi dan Pembangunan Insan / Hadis dan Kekuatan Ekonomi</b>		
MODERATOR : En. Mohd Saifuddin bin Abdul Karim		
URUSETIA : Cik Wan Nur Ainna Waheda Binti Rozali		
<b>MASA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PEMBENTANG</b>
<b>8.30 - 8.45 pagi</b>	Analysis Of E-Commerce In Indonesia From The Perspective Of The Characteristic Of The Prophet Muhammad PBUH	Mr. Slamet Wiharto Wiharto (Trisakti University, Indonesia)
<b>8.48 - 9.03 pagi</b>	Prophetic Seerah Approach on Qualitative Research in Management	Assoc. Prof. Dr. Suhaimi Mhd Sarif (IIUM, Malaysia)
<b>9.06 - 9.21 pagi</b>	Healthy Diet According To Sunnah By Prophet Muhammad S.A.W	Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar (KUIPSAS, Malaysia)
<b>9.23 - 9.38 pagi</b>	Congregational Prayers Hadith Of Constant 27 In Quantum Physics Dynivity On Interference Based Hahslm 472319 Through Economic Covid-19 Era	RM Aziz (State Islamic University Jakarta, Indonesia)
<b>9.41 - 9.46 pagi</b>	Pengumuman Pembentang Terbaik	



TEMPAT: BILIK 3 (MAKOM 1)

TEMA: Sirah Nabi dan Teladan Pembangunan Negara / Hadis dan Kekuatan Ekonomi / Sunnah Nabi dan Pemeriksaan Tamadun / Sumbangan Ulama Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Dalam Kajian Hadis / Ketokohan Nabi SAW dan Kajian Sirah / Isu-Isu Semasa Hadis dan Sunnah		
MODERATOR : Ustaz Hanif bin Abu Samah		
URUSETIA : Ustazah Maisarah binti Abdul Rahim		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
8.30 - 8.45 pagi	Etika Ketenteraan Dan Perang Zaman Nabi Muhammad Saw	Dr. Burhanuddin Jalal (UPNM, Malaysia)
8.48 - 9.03 pagi	Sunnah Al-Nubuwwah: Hikmah Dan Kepentingan Pengutusan Kenabian	Mr. Muaz Mohd Noor (UiTM, Malaysia)
9.06 - 9.21 pagi	Ibn Khuzaymah Dan Takwil: Analisis Hadith Wajh Dan Şurah	Mr. Zamzuri bin Harun (USM, Malaysia)
9.23 - 9.38 pagi	Medium Sumber Rujukan Agama Islam Pelajar Politeknik	Norita Binti Abd Aziz
9.41 - 9.56 pagi	Penguasaan Bacaan Dan Pelaksanaan Solat Di Kalangan Pelajar Muslim Di Politeknik	Norita Binti Abd Aziz
9.59 - 10.13 pagi	Tokoh Ulama Hadis Nusantara Abad ke-19 : Syeikh Wan Ali Kutan bin Abdul Rahman al-Kalantani	Mohamad Fathi Mohd Yunos (KUIPSAS, Malaysia)
10.16- 10.31 pagi	Analisis Hadis Berkaitan Nama Lain Bagi Surah Al-Mulk Dalam Kursus Tafsir Maudu'i: Di Usim Satu Kajian Tinjauan	Dr. Abdulloh Salaeh (USIM, Malaysia)
10.34- 10.49 pagi	Konsep Usahawan Al-Falah Menurut Pandangan Ahli Sarjana: Kajian Literatur	Mr. Musa Muhamad Ali (UTM, Malaysia)
10.52- 11.07 pagi	Pengajian Hadis di Masjid-masjid Kuantan, Pahang: Satu Tinjauan Awal	Nuri Sazana binti Murtam Nuie (KUIPSAS, Malaysia)
11.10- 11.15 pagi	Pengumuman Pembentang Terbaik	





TEMPAT: BILIK 4 (MAKOM 2)

TEMA : Hadis dan Penyelidikan Ilmu / Hadis dan Pengajian Fiqh / Sunnah Nabi dan Pemeraksanaan Tamadun		
MODERATOR : Dr. Amilrudin Ishak		
URUSETIA : Ustazah Syazwani binti Husin		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
8.30 - 8.45 pagi	التطور الدلالي بين النظرية والتطبيق في السنة النبوية	ا. حسن بن إبراهيم بن فاضل العجمي (IIUM, Malaysia)
8.48 - 9.03 pagi	الدلالات اللغوية وأثرها في تفسير ألفاظ السنة النبوية	ا. حسن بن إبراهيم بن فاضل العجمي (IIUM, Malaysia)
9.06 - 9.21 pagi	استقلال السنة بالتشريع	د/سعد المغازي عبدالمعطي محمود (KUIPSAS, Malaysia)
9.23 - 9.38 pagi	الأحاديث الواردة في صلاة النوافل جماعة دراسة وتحليل	د / محمد إبراهيم الشربيني صقر (KUIPSAS, Malaysia)
9.41 - 9.56 pagi	منهج النبي (ص) في مواجهة معوقات السلم المدني (ظاهرة التطرف الديني نموذجاً)	Ms. Fairouz Ziadi (IIUM, Malaysia)
9.59 - 10.13 pagi	RĀTĪB AL- AṬṬAS: Biografi Penyusun Dan Analisa Sandaran Zikir-Zikirnya	Mohd Shafiq Sahimi (UniSHAMS, Malaysia)
10.16- 10.31 pagi	Al-Mafqud Menurut Hadith Dan Impaknya Terhadap Harta Sepencarian : Satu Kajian Literatur	Mr. Fitratallah Abdul Rahman Ahmad Zaim bin Mohamed Hassim (KUIPSAS, Malaysia)
10.34- 10.49 pagi	Memahami Ciri Asnaf Al-Gharimin Menerusi Hadis Nabawi	Muhammad Fakhruddin Ishak (KUIPSAS, Malaysia)
10.52- 10.57 pagi	Pengumuman Pembentang Terbaik	

TEMPAT : BILIK 5 (MAKBA 1)

TEMA: Hadis dan Kajian al Quran / Hadis dan Pengajian Fiqh / Isu-Isu Semasa Hadis dan Sunnah / Sumbangan Ulama Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Dalam Kajian Hadis / Tokoh-Tokoh Hadis dan Manhaj Penulisan Mereka		
MODERATOR : Dr. Rabie Mohamed Abdel Rahman		
URUSETIA : Ustazah Umi Rahimah binti Abd. Wahab		
MASA	TAJUK	PEMBENTANG
8.30 - 8.45 pagi	مجالات تأثير علم الحديث في علم التفسير بالمأثور دراسة وصفية تحليلية	د / محمد أحمد محمد عبد العال الشرباني (KUIPSAS, Malaysia)
8.48 - 9.03 pagi	قواعد حديثية دخیلة معاصرة	ا. علاء فتحي عيد مطاوع (UNISZA, Malaysia)
9.06 - 9.21 pagi	دراسة حول فقدان الجهود العلمية والحديثية لإمام الديار المصرية الليث بن سعد	د / أحمد محمود أحمد محمود (KUIPSAS, Malaysia)
9.23 - 9.38 pagi	دور الحديث النبوي في وثافة القراءات القرآنية	ا. عمار كمال إبراهيم عثمان (UNISZA, Malaysia)
9.41 - 9.56 pagi	القراءات المتواترة والشاذة عند الإمام الرازي	د / محمد فتحي محمد عبد الجليل (UNISZA, Malaysia)
9.59 - 10.13 pagi	وجاهة المسلمين وسبل النصح لهم في ضوء السنة النبوية	ا. م. د / سامي سمير عبد الفتاح (MEDIU, Malaysia)
10.16-10.31 pagi	السيد محمد عميم الإحسان وجهوده في السنة النبوية	ا. محمد غلام الرحمن (UNISZA, Malaysia)
10.34-10.49 pagi	نقد متن الحديث النبوي وتاريخه	ا. أحمد محمد محمد بسيوني (UNISZA, Malaysia)
10.52-11.07 pagi	اسهامات علماء أرخبيل الملايو في مجال السيرة النبوية مخطوطات الحكايات والقصص أنموذجا	ا. د / عادل محمد عبد العزيز الغرياني (UNISZA, Malaysia) د / نظام الدين زكريا (USIM, Malaysia)
11.10-11.15 pagi	Pengumuman Pembentang Terbaik	





PERSIDANGAN DAN MUKTAMAR ANTARABANGSA  
SUNNAH NABAWIAH SECARA ONLINE (ICMAS 2021)

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan kepada  
YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail  
Menteri Besar Pahang

Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Yang Amat Mulia Tengku Panglima Raja  
Leftenan Kolonel Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang  
(MUIP)

dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada  
pihak Universiti al-Azhar, Ahli-ahli Lembaga Pengarah,  
Ahli Lembaga Pengelola, Pembentang Jemputan,  
para pembentang dan peserta yang terlibat di atas kerjasama dan komitmen  
dalam menjayakan program ICMAS 2021.

Semoga Allah membalasnya dengan ganjaran yang setimpal.



## HADIS PILIHAN

Dari Abu Hurairah :  
*RASULULLAH SAW BERSABDA :  
BARANGSIAPA YANG MENEMPUH JALAN  
MENUNTUT ILMU, MAKA ALLAH MUDAHKAN  
BAGINYA JALAN KE SYURGA.  
(Riwayat Muslim)*